



## SIARAN MEDIA

### **KENYATAAN PENAFIAN OLEH SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA KE ATAS PELABURAN STRATEGIK KOPERASI PEMBANGUNAN PENGGUNA ISLAM MALAYSIA BERHAD (KOPPIM)**

Dengan ini dimaklumkan bahawa terdapat kenyataan siaran dalam laman sesawang **Koperasi Pembangunan Pengguna Islam Malaysia Berhad (KOPPIM)** berkaitan pelaburan strategik KOPPIM dan Pelaburan Strategik KOPPIM di dalam Malakat Mall. Menurut rekod Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya), sehingga kini tiada permohonan daripada KOPPIM untuk pelaburan-pelaburan tersebut telah diterima oleh Suruhanjaya.

**Kumpulan Malakat Eco umum insentif khas RM1.2 juta untuk ahli KoPPIM**  
- Malakat Tribune News

**Malakat Mall dapat tawaran buka di semua negeri**  
- Malakat Tribune News

**Lockdown: KoPPIM mohon tangguh AGM**  
- Malakat Tribune News

CYBERJAYA – Kumpulan Malakat Eco dan Koperasi Pembangunan Pengguna Islam Malaysia (KoPPIM) hari ini mengumumkan insentif khas sebanyak...

CYBERJAYA – Hampir semua kerajaan negeri ketika ini sudah membuat tawaran kepada Kumpulan Malakat Eco untuk membuka Malakat Mall di negeri masing-masing...

CYBERJAYA – Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Koperasi Pembangunan Pengguna Islam Malaysia (KoPPIM) ditangguhkan sehingga September depan...

Oleh itu Suruhanjaya dengan ini menafikan bahawa Suruhanjaya ada memberikan apa-apa jaminan atau pengesahan kepada pelaburan yang dibuat oleh orang ramai dalam KOPPIM (atau mana-mana Koperasi). Sehubungan dengan itu, orang ramai dinasihatkan untuk meneliti dan membuat penilaian sewajarnya sebelum melabur dan pelaburan yang dibuat adalah atas risiko sendiri.

Jika terdapat sebarang kemosykilan, orang ramai bolehlah menghubungi talian hotline Suruhanjaya seperti yang berikut: 019-2445339.